

SULIT



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

**PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2012
PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR**

21/1

**SEJARAH
Kertas 1**

**Julai/Ogos
2012**

1 $\frac{1}{4}$ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Disediakan oleh: AKRAM NEGERI TERENGGANU Dengan Kerjasama: MPSM NEGERI TERENGGANU Dibiayai oleh: KERAJAAN NEGERI TERENGGANU


TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 20 halaman bercetak

www.smkadg.com


1 Rajah merujuk kepada sumber sejarah.



Apakah X?

- A Diari
- B Risalah
- C Batu bersurat
- D Surat peribadi


2 Gambar menunjukkan peralatan masyarakat Zaman Prasejarah yang ditemui di tapak ekskavasi negara kita.



Peralatan tersebut digunakan oleh masyarakat Zaman

- A Logam
- B Neolitik
- C Mesolitik
- D Paleolitik

- 3 Gambar menunjukkan Angkor Wat yang dibina oleh kerajaan Angkor.



Gambar tersebut menjadi bukti kerajaan Angkor

- A merupakan pusat perkembangan tamadun
 - B mempunyai pentadbir yang cekap
 - C menerima pengaruh Hindu-Buddha
 - D memiliki kekuatan ketenteraan
- 4 Jadual berikut berkaitan utusan China ke Melaka.

Tahun	Utusan
1404	Laksamana Yin Ching
1405	Laksamana Cheng Ho

Mengapakah mereka melawat Melaka?

- A Menganugerahkan pengiktirafan
 - B Meluaskan tanah jajahan
 - C Memohon bantuan ketenteraan
 - D Memperkukuh sistem pertahanan
- 5 Jadual merujuk kepada jawatan dan peranan seorang pembesar Melaka.

Jawatan	Peranan
X	<ul style="list-style-type: none"> • Hakim di darat • Ketua Polis dan penjara • Protokol istana

Apakah X?

- A Bendahara
- B Laksamana
- C Temenggung
- D Penghulu Bendahari

6 Mengapakah Sultan Mansor Shah menghantar surat kepada raja Ryukyu (Jepun)?

- A Meminta bantuan ketenteraan
- B Menyelesaikan perbalahan pembesar
- C Memujuk agar menerima agama Islam
- D Memberitahu pedagang Ryukyu melanggar peraturan di Melaka

7 Apakah tuntutan Alfonso de Albuquerque yang ditolak oleh Sultan Mahmud Shah?


- I Meminta ganti rugi
- II Menuntut pembebasan tawanan
- III Mendapat monopoli perdagangan
- IV Membina loji petempatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8 Mengapakah buku *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah* diperdengarkan semasa Portugis menyerang Melaka?

- A Mengambil iktibar kisah silam
- B Mendapatkan sokongan rakyat
- C Mombaiki strategi peperangan
- D Menaikkan semangat juang askar


9 Rajah menunjukkan faktor kegemilangan kerajaan Johor pada kurun ke-17.



Apakah X?

- A Penglibatan orang Bugis
- B Peningkatan hasil pertanian
- C Perlindungan negara China
- D Perkembangan bidang persuratan

- 10 Mengapakah dasar perdagangan Portugis di Melaka menyebabkan para pedagang beralih ke Aceh?
- A Peningkatan harga barang dagangan
 - B Perubahan sistem mata wang
 - C Kekurangan bahan mentah
 - D Kenaikan kadar cukai
- 11 Rajah merujuk sistem giliran yang merupakan sistem pewarisan takhta.



Negeri yang manakah mengamalkan sistem tersebut?


- A Selangor
 - B Kedah
 - C Perak
 - D Johor
- 12 Senarai merujuk wilayah di Selangor.

- Jeram
- Klang
- Langat
- Kuala Selangor

Apakah persamaan wilayah tersebut?

- A Penempatan awal orang Bugis
- B Pelabuhan utama kerajaan Selangor
- C Pernah menjadi jajahan kerajaan Melaka
- D Pemerintahnya berketurunan Bendahara

- 13 Gambar menunjukkan cap mohor diraja kerajaan Melayu.



Apakah kepentingan cap mohor tersebut?

- A Memperkukuh kedaulatan pemerintah
 B Mempertingkat kekuatan pertahanan
 C Memajukan kegiatan perdagangan
 D Memantapkan perpaduan rakyat
- 14 Etnik manakah yang mengamalkan kepercayaan berikut?

- Dilarang hidup menetap
- Tidak boleh menebang pokok besar
- berpindah setiap kali berlaku kematian

- A Iban
 B Penan
 C Melanau
 D Kedayan
- 15 Antara berikut, manakah berkaitan dengan kaum Murut di Sabah?
- I Memungut hasil hutan
 II Menanam lada hitam
 III Meraikan *Pesta Kaamatan*
 IV Mempercayai *Aki Kopuno*

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16 Apakah yang mendorong Sultan Kedah menghubungi syarikat berikut?

- Firma Jourdain Sullivan and de Souza
- Syarikat Hindia Timur Inggeris

- A Menarik pelaburan Barat
- B Menghapus ancaman lanun
- C Mengekalkan kedaulatan negeri
- D Menjalinkan hubungan perdagangan


17 Peta menunjukkan petempatan British yang disatukan di bawah satu pentadbiran.



Mengapakah British menyatukan petempatan tersebut?

- I Mengukuhkan pertahanan
 - II Menjimatkan perbelanjaan
 - III Menyeragamkan pentadbiran
 - IV Mengurangkan kuasa pembesar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 18 Rajah merujuk perbalahan pembesar tempatan yang membawa kepada campur tangan kuasa asing di negara kita.



Mengapakah berlaku persengketaan tersebut?

- A Pertikaian sempadan daerah
 B Perebutan hak mengutip cukai
 C Penguasaan kawasan pertanian
 D Percanggahan undang-undang adat
- 19 Jadual merujuk peristiwa yang berlaku di Selangor.

Tahun	Peristiwa
1873	<ul style="list-style-type: none"> Kapal dagang British dirompak di Langat
1874	<ul style="list-style-type: none"> Rumah api British di Tanjung Rachado diserang

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap Selangor?

- A Perdagangan bijih timah merosot
 B Kos pentadbiran kerajaan meningkat
 C Campur tangan asing dalam pentadbiran
 D Perubahan sempadan wilayah

20

Pada tahun 1874, Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Andrew Clarke telah berunding dengan pembesar Melayu dan pemimpin kongsi gelap di Pulau Pangkor, Perak.

Apakah muslihat British mengadakan rundingan tersebut?

- A Mengukuhkan persahabatan
 B Menguasai sumber bijih timah
 C Menghapuskan pengaruh Belanda
 D Memelihara hubungan dengan Siam


21 Jadual menunjukkan pelantikan penasihat British di Negeri-negeri Melayu.

Penasihat British	Negeri	Tahun lantikan
• J.S. Mason	Kelantan	1910
• Douglas Campbell	Johor	1914
• J.L. Humphreys	Terengganu	1919

Mengapakah Johor dan Terengganu lewat menerima penasihat British?

- A Penggubalan perlembagaan negeri
- B Memperoleh perintah mahkamah
- C Menandatangani perjanjian sulit
- D Pemberontakan rakyat tercetus

22 Gambar merujuk dokumen yang dikeluarkan oleh pemerintah Johor kepada orang Cina pada abad ke-19



Apakah kepentingan dokumen tersebut?

- I Membuka petempatan
 - II Mengerjakan pertanian
 - III Menjalankan perniagaan
 - IV Mengusahakan perlombongan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah
SULIT

23 Mengapakah penduduk di wilayah Tabal berhijrah ke negeri Kelantan selepas Perjanjian Bangkok 1909?

- A Memperkukuh pentadbiran tradisional
- B Menghalang kemasukan kuasa Barat
- C Mempertahankan sistem beraja
- D Membantah kekuasaan Siam

24 Jadual merujuk penguasaan James Brooke di Sarawak.

Tahun	Peristiwa
1840	• Menamatkan kebangkitan rakyat
1841	• Dilantik sebagai Gabenor
1846	• Diiktiraf sebagai Raja Sarawak


Apakah kesan penguasaan tersebut?

- A Penghapusan cukai
 - B Penggubalan perlembagaan negeri
 - C Penamatan pemerintahan Brunei
 - D Pemansuhan jawatan pembesar
- 25 Jadual merujuk perubahan pentadbiran di Sarawak.

Kurun ke-18	Kurun ke-19
Pemerintahan pembesar tempatan	Pemerintahan pembesar Brunei

Mengapakah Sultan Brunei membuat perubahan tersebut?

- A Menguasai kekayaan
 - B Menyekat pengaruh asing
 - C Mengelakkan perebutan kuasa
 - D Menamatkan pemberontakan
- 26 Rajah merujuk struktur pentadbiran Brooke di Sarawak.



Apakah X?

- A Majlis Daerah
- B Majlis Negeri
- C Majlis Penasihat
- D Majlis Kehakiman

27 Jadual merujuk perjanjian antara Sultan Brunei dan Sultan Sulu dengan Overbeck dan Dent.

Tahun	Isi Perjanjian
1877	Sultan Brunei menyerahkan sebahagian Sabah
1878	Sultan Sulu menyerahkan sebahagian Sabah

Apakah kesan perjanjian tersebut kepada Sabah?

- A Penguasaan British
- B Pelaburan asing bertambah
- C Kebangkitan rakyat tempatan
- D Kemajuan infrastruktur terjejas

28 Siapakah pemimpin Sabah yang menerima gelaran berikut?

Orang Kaya - Kaya

- A Residen
- B Pegawai Daerah
- C Ketua Kampung
- D Ketua Anak Negeri

29 Jadual merujuk cara kemasukan buruh di Tanah Melayu.

Negara	Cara kemasukan buruh
China	Sistem Kontrak
India	Sistem Kangani

Apakah persamaan kedua-dua sistem tersebut?

- I Tambang dibayar
 - II Majikan ditetapkan
 - III Tempoh bekerja bebas
 - IV Latihan kemahiran diberikan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 30 Situasi berikut berlaku pada zaman pemerintahan British di Tanah Melayu.

Raja Ahmad bercita-cita untuk berkhidmat di jabatan kerajaan dalam bidang pentadbiran setelah tamat persekolahan

Institusi pendidikan manakah yang dapat merealisasikan cita-cita Raja Ahmad?

- A Sekolah Melayu Bayan Lepas
- B Maktab Perguruan Melaka
- C Kolej Melayu Kuala Kangsar
- D Maktab Perguruan Sultan Idris

- 31 Dialog berikut mungkin berlaku di Terengganu pada awal abad ke-20.

Pegawai British : Kamu tidak boleh mengerjakan tanah ini.

Penduduk : Kenapa? Sejak dulu lagi kami telah pun mengusahakannya.

Mengapakah perintah larangan tersebut dikeluarkan kepada penduduk?

- I Kelewatan membayar cukai
 - II Peningkatan pertanian sara diri
 - III Keengganan mematuhi peraturan
 - IV Penerokaan tanah tanpa kebenaran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


- 32

Pada tahun 1823, Tunku Abdullah dari Kedah merancang untuk menyerang Siam melalui Seberang Perai.

Mengapakah rancangan itu gagal?

- A Strategi yang lemah
- B Pengkhianatan British
- C Pembelotan tentera Bugis
- D Semangat juang yang lemah

- 33 Rajah merujuk perkara yang terkandung dalam sebuah majalah di Tanah Melayu?



Apakah X?

- A Al-Imam
 - B Pengasuh
 - C Majlis
 - D Lidah Benar
- 34 Apakah sumbangan pelajar lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim, Perak pada tahun 1930-an?
- A Menuntut pemulihan agama
 - B Menerbitkan akhbar harian
 - C Menganjurkan kongres kebudayaan
 - D Menyemarakkan semangat kebangsaan
- 35 Petikan puisi di bawah merupakan tulisan Harun Aminurrashid.

Tenaga Kaumku

Tenaga kaumku bukannya lemah
Sama juga seperti kaum yang berhemah
Boleh bekerja dan berumah
Apa lagi melebur timah

Harun Aminurrashid 1929

Apakah seruan penulis melalui puisi di atas kepada orang Melayu?

- A Membela nasib bangsa
- B Mengembangkan pendidikan
- C Mengekalkan adat resam
- D Mewujudkan perpaduan

36 Maklumat merujuk faktor kejayaan Jepun mengalahkan British di Tanah Melayu.

Semangat tentera Jepun

Semangat mereka dapat dilihat melalui

- A kemenangan demi maruah
- B kerjasama menuju kejayaan
- C kerelaan mati demi maharaja
- D kesanggupan menegakkan keadilan

37

Jepun telah berjanji untuk menjayakan konsep Melayu Raya iaitu kemerdekaan Tanah Melayu bersama Indonesia.

Matlamat di atas dicapai melalui penubuhan

- A Pembela Tanah Air (PETA)
- B Kesatuan Melayu Muda (KMM)
- C Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS)
- D Malayan People's Anti Japanese Army (MPAJA)

38 Apakah yang akan anda lakukan bagi mengatasi masalah berikut ?

Kehidupan sengsara kerana kekurangan bahan keperluan harian

- I Menghasilkan kain daripada benang nanas
 - II Menggunakan pakaian daripada daun lalang
 - III Mencipta kertas daripada kulit pokok
 - IV Membuat kasut daripada getah keping
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

39 Jadual berkaitan tokoh wanita menentang Malayan Union.

Tahun	Tokoh
1946	<ul style="list-style-type: none">• Halimahton Majid• Datin Puteh Mariah• Cikgu Zahara Abdullah

Apakah kesimpulan yang boleh dikaitkan dengan perjuangan mereka?

- A Menjaga kepentingan diri
- B Mempelopori pendidikan wanita
- C Mempunyai semangat kebangsaan
- D Meningkatkan ekonomi orang Melayu

40 Apakah cogan kata UMNO?

- I Teguh dan kukuh
- II Hidup Melayu
- III Merdeka
- IV Berjasa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

41 Akhbar berikut memainkan peranan penting dalam membincangkan isu semasa pada tahun 1946.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Majlis • Warta Malaya • Utusan Melayu |
|---|

Apakah isu tersebut?

- A Pengisytiharan darurat
- B Pembentukan Malaysia
- C Pelaksanaan pilihan raya
- D Penubuhan Malayan Union

42 Maklumat merujuk kegiatan Parti Komunis Malaya.

Tarikh	Peristiwa
Jun 1948	Pembunuhan tiga orang pengurus ladang berbangsa Eropah di Sungai Siput, Perak

Apakah tindakan British selepas peristiwa tersebut ?

- A Pengharaman PKM
- B Mengisytiharkan darurat
- C Memperkenalkan ekonomi kawalan
- D Menubuhkan pasukan *Home Guard*

43 Apakah kesan penubuhan MCA terhadap orang Cina ?

- I Mendapat kelonggaran syarat kewarganegaraan
 - II Meminati parti politik berhaluan kiri
 - III Membantu membanteras komunis
 - IV Memberi imej yang baik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

44

Sesiapa yang berjaya menangkap Chin Peng sama ada hidup atau mati akan diberikan hadiah sebanyak \$ 250.000

Mengapakah hadiah tersebut ditawarkan ?

- A Melemahkan pengaruh orang Cina
- B Menamatkan penguasaan negara China
- C Melumpuhkan kegiatan komunis
- D Memberi amaran kepada komunis

45

Tarikh	Peristiwa
28-29 Disember 1955	Pertemuan Baling

Apakah faktor kegagalan pertemuan tersebut ?

- A Kesetiaan ahli PKM diragui
- B Ketiadaan tawaran pengampunan
- C Keingkaran membayar ganti rugi
- D Keengganan kerajaan mengiktiraf PKM

46 Maklumat merujuk kelonggaran syarat kerakyatan pada tahun 1950-an.


- Kelonggaran Syarat Kerakyatan Persekutuan
- Kelonggaran Syarat Kerakyatan Negeri

Apakah tujuan kelonggaran syarat kerakyatan tersebut dilaksanakan?

- I Mengelakkan pengaruh komunis
- II Mendapatkan taat setia imigran
- III Memperoleh kemerdekaan negara
- IV Memantapkan kuasa pemerintahan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

47 Rajah merujuk kerjasama parti politik di Tanah Melayu.



Mengapakah pihak British menyambut baik kerjasama tersebut?

- A Melaksanakan amalan demokrasi
 - B Mengiktiraf pemimpin tempatan
 - C Menjamin kepentingan ekonomi
 - D Mengagalkan Parti Komunis Malaya
- 48 Rajah merujuk sebuah agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan British di Tanah Melayu.

Tahun	Agensi
1951	Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)

Mengapakah pihak British berbuat demikian?

- A Meningkatkan taraf hidup peribumi
 - B Mengaut keuntungan ekonomi
 - C Mengukuhkan kuasa penjajah
 - D Merealisasikan perpaduan kaum
- 49 Gambar merujuk Perjanjian London yang ditandatangani pada tahun 1956.



Apakah syarat yang dipersetujui dalam perjanjian tersebut?

- I Pembentukan pasukan keselamatan
 - II Penetapan tarikh kemerdekaan
 - III Pelantikan suruhanjaya bebas
 - IV Pembentukan jemaah menteri
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 50 Senarai merujuk kandungan Perlembagaan Merdeka hasil perbincangan pelbagai kaum di negara kita.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Kedudukan istimewa orang Melayu • Kerakyatan terbuka • Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan |
|--|

Apakah nilai yang boleh dicontohi daripada sikap masyarakat di Tanah Melayu?

- A Bertindak jujur
- B Bersifat amanah
- C Bertatasusila
- D Bertolak ansur

- 51 Jadual merujuk peristiwa yang berlaku di Tanah Melayu.

Masa dan Tarikh	12.00 tengah malam 30 Ogos 1957
Tempat	Di hadapan Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur
Peristiwa	Bendera Union Jack diturunkan dan bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan

Apakah rumusan daripada peristiwa tersebut?

- A Pentadbiran negara disatukan
- B Penutupan pangkalan tentera
- C Pembentukan sebuah negara monarki
- D Pengembalian kuasa kepada pemerintah tempatan

- 52 Senarai merujuk masalah yang dihadapi oleh Charles Vyner Brooke di Sarawak.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Tiada pewaris • Masalah kewangan • Desakan kerajaan British |
|---|

Apakah langkah untuk menanganinya?

- A Memerdekakan Sarawak
- B Menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British
- C Melatih pemimpin tempatan mentadbir
- D Menyelaras sistem pentadbiran baru

53 Apakah yang diperjuangkan oleh pertubuhan berikut?

- Persatuan Dayak Sarawak
- Pertubuhan Kebangsaan Melayu Sarawak

- A Menentang gagasan Malaysia
- B Membantah Perlembagaan 1941
- C Menjadi ahli Majlis Tempatan
- D Menentang penyerahan Sarawak

54 Mengapakah British mengambil tindakan berikut pada tahun 1947?

Mengeluarkan Pekeliling No. 9

- A Meningkatkan perpaduan rakyat
- B Menyekat perluasan kuasa asing
- C Memantapkan kuasa pemerintahan
- D Melaksanakan amalan demokrasi

55 Maklumat berkaitan gerakan anti penyerahan di Sarawak.

Gerakan anti penyerahan semakin lemah menjelang akhir tahun 1947

Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

- A Pelbagai propaganda British
- B Kekurangan sumber kewangan
- C Pembubaran Rukun Tiga Belas
- D Kurang sokongan penduduk tempatan

56 Apakah tujuan British membentuk majlis berikut di Sabah pada tahun 1950?

Majlis Kerja dan Majlis Undangan

- A Meringankan pentadbiran pusat
- B Mengukuhkan kedudukan parti
- C Mengatasi kekurangan pegawai
- D Melatih penduduk tempatan mentadbir

- 57 Mengapakah pemimpin berikut bersetuju dengan gagasan Persekutuan Malaysia?

Lee Kuan Yew - Pemimpin Parti PETIR

- A Mempertahankan kedudukan
 - B Meningkatkan hubungan ekonomi
 - C Mewujudkan perpaduan kaum
 - D Menggalakkan kemasukan pelabur asing
- 58 Apakah faktor yang menyebabkan Parti Rakyat Brunei menentang gagasan Malaysia?
- A Pengaruh PKI
 - B Pemberontakan rakyat
 - C Perintah Sultan Brunei
 - D Penubuhan Kalimantan Utara
- 59 Maklumat berkaitan tindakan yang dilakukan Indonesia

Konfrontasi

Mengapakah Indonesia bertindak demikian?

- A Meluaskan kuasa
 - B Menggagalkan gagasan Malaysia
 - C Menguasai sumber ekonomi
 - D Menyekat pengaruh asing
- 60 Petikan berkaitan pemisahan Singapura daripada Persekutuan Malaysia.

“ ... jika kita tidak berpisah, sudah pastilah akan berlaku pembunuhan yang menggerunkan...”

Tunku Abdul Rahman

Mengapakah Tunku Abdul Rahman mengungkapkan kata-kata tersebut ?

- A Melancarkan konfrontasi
- B Mencetuskan isu perkauman
- C Menyebarkan fahaman komunis
- D Membubarkan perlembagaan negara

KERTAS SOALAN TAMAT

SKEMA JAWAPAN

**PENILAIAN MENENGAH RENDAH TAHUN 2012
PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR**

SEJARAH

1	B	21	A	41	D
2	A	22	A	42	B
3	C	23	D	43	D
4	A	24	C	44	C
5	C	25	A	45	D
6	D	26	B	46	A
7	A	27	A	47	C
8	D	28	D	48	A
9	D	29	A	49	C
10	D	30	C	50	D
11	C	31	D	51	D
12	C	32	B	52	B
13	A	33	A	53	D
14	B	34	D	54	C
15	B	35	A	55	A
16	C	36	C	56	D
17	C	37	C	57	A
18	B	38	B	58	D
19	C	39	C	59	B
20	B	40	C	60	B